



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 6 SEPTEMBER 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	BAUNG EKOR MERAH JEJAS PENDAPATAN NELAYAN, NASIONAL, BH -22 'HAPUS' BAUNG EKOR MERAH, LOKAL, HM -7	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
3. 4. 5. 6. 7. 8. 9. 10.	RAKYAT PERAK KURANG BERTANI, NEGERI PERAK, SH -26 EKSPORT PUNCA TELUR AYAM KURANG, NEGARA, KOSMO -2 TANGANI BERSAMA MANIPULASI HARGA AYAM, NASIONAL, SH -18 TEMPIAS PERUBAHAN IKLIM, MUKA DEPAN, SH -1 SEKURITI MAKANAN NEGARA TERANCAM, NASIONAL, SH -2 PERUBAHAN IKLIM JEJAS SEKTOR PERTANIAN DAN HASIL SUNGAI, NASIONAL, SH -2 HASIL SAYUR SUSUT 40 PERATUS, NASIONAL, SH -3 PESAWAH JANGKA HASIL PADI BERKURANG, KUALITI TERJEJAS, NASIONAL, SH -3	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Baung ekor merah jejas pendapatan nelayan

Pemangsa agresif membiak di Sungai Pahang mengurangkan sumber ikan bermutu tinggi

Moh Roselan Ab Malek
bhnews@bh.com.my

Jerantut: Spesies ikan baung ekor merah yang kini membiak secara berleluasa di sepanjang Sungai Pahang dari Lipis hingga ke Pekan menjejaskan pendapatan 1,106 nelayan sungai sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Abli Parlimen Jerantut, Datuk Ahmad Nazlan Idris, berkata kehadiran ikan pemangsa yang nama saintifiknya hemibagrus wyckitoides di Sungai Pahang tu-

rut mengurangkan sumber ikan tempatan bermutu tinggi seperti ikan kelah, temoleh, jelawat, lampam, tengalan, kerai, terbul, sebarau, baung serta udang galah.

Daripada jumlah nelayan sungai itu, beliau berkata, seramai 610 nelayan sungai dari daerah itu terjejas pendapatan dengan kehadiran spesies itu.

"Baung ekor merah berasal dari Sungai Mekong, Vietnam kini menjadi ancaman utama kerana ia mampu membesar sehingga 130 sentimeter dengan berat maksima mencecah 80 kilogram.

"Ia adalah spesies ikan keli terbesar di Asia dan sejenis ikan air tawar kategori pemangsa agresif dan makan hampir semua jenis ikan di habitatnya," katanya selepas menutup program 'Moh Buru Baung Ekor Merah' di Jerantut Feri Waterfront kelmari.

Yang turut hadir, Timbalan Pengarah Perikanan Pahang, Mubammad Nur Ashry Bassari.



Ahmad Nazlan (tengah) melihat ikan baung ekor merah yang berjaya diangkut selepas menurut program 'Moh Buru Baung Ekor Merah' di Jerantut Feri Waterfront, kelmari. (Foto Roselan Ab Malek/BH)

Seramai 170 peserta menyertai pertandingan selama dua hari itu dan Mohd Izudin Abdul Rahimi muncul juara dengan ikan tangkapan terbesar iaitu 19.34 kilogram dan membawa pulang hadiah utama RM3,000.

"Pada masa sama, perikanan sungai turut terdedah kepada ancaman daripada kegiatan manusia yang merosakkan ekosistem sungai seperti pencemaran sungai sehingga menyebabkan kepupusan sumber perikanan," katanya.

Dalam masa sama, beliau turut mengingatkan nelayan sungai supaya memanfaatkan kekayaan sumber perikanan sungai secara bertanggungjawab dengan mengelakkan penggunaan alat yang merosakkan sum-

ber alam seperti racun, tuba, bahan letupan dan elektrik.

Selain itu, Muhammad Nur Ashry berkata, pihaknya sudah melepaskan sejumlah 14.15 juta ikan dan udang galah ke sungai utama, anak sungai dan tasik di seluruh Pahang sejak 2010.

Katanya, benih ikan ini dikeluarkan oleh Pusat Pengembangan Akuakultur (PPA) Perlok di Jerantut dan PPA Bukit Tinggi, Bentong.

"Pada tahun lalu, kira-kira 2.75 juta ikan pelbagai spesies di lepaskan ke perairan umum bagi menambah stok ikan dan turut disumbangkan kepada penternak akuakultur. Sehingga bulan lalu, sejumlah 675,000 ekor benih pelbagai spesies ikan air tawar di daerah ini," katanya.

6/9/2022

SINAR
HARIANNEGERI
PERAK

26



Saarani melakukan gimik pelancaran Briged Muda Petani Moden Negeri Perak sempena Karnival Sekuriti Makanan@Perak Sejahtera 2030 di Dewan Millenium, Lubok Merbau pada Ahad.

Rakyat Perak kurang minat bertani

PADANG RENGAS - Rakyat Perak masih kurang berminat terlibat dalam bidang pertanian dan penternakan meskipun terdapat permintaan tinggi terhadap bekalan itu, kata Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad.

Beliau memberi contoh bekalan daging lembu, daging biri-biri dan sayuran seperti kubis dan halia yang hanya merekodkan 0.2 hingga 13.6 peratus peratus dibekalkan sendiri oleh petani di

negeri ini.

Menurutnya, jumlah itu adalah rendah dan perlu ditingkatkan bagi menampung keperluan makanan yang mencukupi dan berkualiti buat rakyat Perak yang mencecah 2.6 juta orang.

"Sekarang ini, kita masih kekurangan bekalan, hanya 13.6 peratus daging lembu dan 3.3 peratus daging biri-biri dibekalkan oleh penternak di negeri ini.

"Saya lihat ada banyak lagi ruang petani, penternak dan pe-

ladang meneroka peluang baharu, sama ada membesarkan usaha mereka atau memulakan variasi makanan baharu yang ada permintaan tinggi.

"Tetapi tidak tahu apa sebabnya orang Perak ini tidak berminat, sedangkan ini keperluan harian mereka," katanya dalam sidang akhbar sempena Karnival Sekuriti Makanan@Perak Sejahtera 2030 di Dewan Millenium, Lubok Merbau pada Ahad.

6/9/2022

KOSMO

NEGARA

2

Krisis bakal merebak ke seluruh negara jika masalah tidak ditangani

Eksport punca telur ayam kurang

Oleh ALIWANI ZAFIRAH KHAIRUL dan EDDY HAMIDI

KUALA LUMPUR - Tindakan pengusaha telur ayam yang mengutamakan jualan eksport berbanding pasaran tempatan didakwa telah mengakibatkan bekalan di beberapa buah negeri utamanya di Pantai Timur mengalami penyusutan ketara sejak Mei lalu.

Keadaan itu telah mengakibatkan peniaga, pengusaha kek dan kuih gagal memperoleh bekalan yang mencukupi terutama ketika mendapat permintaan tinggi pada musim perayaan tahun ini.

Pengurus pemarkaran Persatuan Pemborong Telur Ayam Buitan, Mohd. Aidil berkata, situasi itu bakal menyebabkan 49 daripada 70 pemborong telur ayam di Kelantan dan Terengganu gubung tikar kerana gagal mendapat bekalan telur ayam gred A, B, C dan D.

Katanya, krisis itu bakal 'merekab' ke beberapa buah negeri termasuk di ibu negara selepas bekalan yang ada ketika ini tidak dapat bertahan lama.

"Saya sendiri mengalami penyusutan sebanyak 70 peratus bekalan mingguan. Ia akan menjejaskan pasaran sekiranya tidak diatasi dengan segera.

"Peladang lebih mengutamakan aktiviti eksport berbanding memastikan bekalan di pasaran tempatan. Tiga cawangan saya



KEKURANGAN anak ayam di peringkat ladang didakwa antara punca bekalan telur semakin menyusut hingga menjejaskan operasi perniagaan banyak pihak. - GAMBAR HIASAN

di Pantai Timur kini kekurangan bekalan dan tidak mencukupi untuk menampung permintaan peruncit dan pengguna," katanya kepada Kosmo!

Mohd. Aidil berkata demikian bagi mengulas laporan Kosmo/semalam mengenai runtuhan pembekal telur ayam di Pulau Pinang yang terpaksa menghentikan tempahan daripada peniaga atau pembuat kek ekoran bekalan semakin berkurangan.

Menurut Mohd. Aidil, ada ladang yang tidak lagi menerima bekalan anak ayam baharu disebabkan lonjakan harga dedak.

Tambahnya, keadaan itu men-

jadi salah satu punca harga telur menjadi mahal dan ada peruncit dan pemborong terpaksa melatakkan caj pengangkutan dan paparan telur kepada pembeli bagi menampung semula kos perbelanjaan mereka.

"Kerajaan perlu mengantikan aktiviti eksport untuk pastikan bekalan tempatan tidak mengalami gangguan bagi menurunkan harga telur," katanya.

Sementara itu, Rosli Yaacob, 58, memberitahu, bekalan 75,000 ekor anak ayam yang ditempah sejak Ogos lalu daripada pembekal masih belum diterima.

"Alasan yang diberi ialah



BEKALAN telur ayam di kedai Mohd. Aidil di Shah Alam tidak dapat ditambah ekoran ketiadaan stok daripada petidang.

masih dalam proses. Sebelum ini kita dapat hasilkan ayam bagi enam musim dalam setahun, tetapi kini hanya empat musim sahaja hingga menjejaskan pendapatan sekitar RM20,000," katanya.

Bagi pengusaha, Fatimah Abdul Karim, 38, berkata, dia terpaksa

paksa mengebahkan tempahan kepada 2,000 berbanding 5,000 keping roti seminggu untuk cawangannya di Kuantan, Pahang ekoran kekurangan bekalan telur.

"Operasi di Kuala Lumpur bagaimanapun masih berjalan seperti biasa," katanya.

Tangani bersama manipulasi harga ayam

Kerajaan dan masyarakat seharusnya memainkan peranan penting bagi memastikan tiada sebarang penyelewengan berlaku

Oleh **MOHAMAD AMREEL IMAN**
ABD MALEK
SHAH ALAM

Sikap tidak jujur sesetengah pe-niaga dan penternak ayam yang memanipulasi harga sehingga mengganggu kestabilan pasarnya mesti ditangani oleh kerajaan serta masyarakat bersama.

Menurut Penolong Setiausaha Angkatan Belia Islam Malaysia (Negeri Sembilan), Muhammad Ikmal Shamsul Bahrin, tindakan memanipulasi harga bakal menyebabkan peningkatan kos sara hidup dan menghinipit rakyat.

Katanya, kerajaan menerusi Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) seharusnya memainkan peranan penting dalam melakukan tinjauan di sekitar pasar sekurang-kurangnya seminggu sekali bagi memastikan tiada penyelewengan dan manipulasi/terhadap harga ayam serta barangan lain.

"Kita harus tahu barang keperluan ini dibeli oleh rakyat dan jika berlaku peningkatan bagaimanapun dengan kumpulan B40. Jika mereka ini tinggal di bandar bagaimanapun dengan nasib mereka. Seandainya isu ini gagal ditangani, sudah pasti berlaku penindasan terhadap me-



Kerajaan dan masyarakat seharusnya memainkan peranan secara bersama bagi memastikan tidak sebarang manipulasi harga ayam berlaku. - Gambar biasaan

ayam stabil kerana terdapat laporan mengenai harga ayam semakin mencabar selain ada yang mengatakan harga anak ayam semakin meningkat.

Ikmal turut mengingatkan masyarakat supaya peka serta jangan memandang enteng soal manipulasi harga barang keperluan asas.

"Masyarakat adalah entiti utama yang terdedah dengan situasi ini. Jika lihat ada sesuatu yang tak kena dengan harga pasaran barangan seperti ayam, ia perlu dilaporkan kepada KPDNHEP" ujarnya.

Berkongsi pandangan yang sama, Pengerusi Yayasan Anti Rasuah Malaysia (Negeri Sembilan), Mohlar Sani berkata, kerjasama antara rakyat dengan pihak berkuasa perlu berlaku bagi memastikan kesan maksimum terhadap sebarang usaha yang digerakkan.

"Pengguna kena bijak, kalau dah tahu mahal, pergi ke tempat yang menawarkan jualan dekat peniaga yang ambil kesempatan," katanya.



MUHAMMAD IKMAL



MOHTAR SANI

**RASUAH
BUSTERS**

"Sepertara lagi kita kena tahu bukan semua orang yang datang ke pasar ini betul-betul peka dengan naik turun harga sebuah barang. Ada dalam kalangan mereka ini jarang ke pasar," katanya kepada Sinar Harian pada Ahad.

Beliau berkata demikian bagi mengulas kenyataan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed bahawa kerajaan sentiasa memantau dengan rapi memastikan harga

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/9/2022	SINAR HARIAN	NASIONAL	2

Sekuriti makanan negara terancam

Perubahan iklim mengganggu pengeluaran hasil padi

LAPORAN KHAS



SHAH ALAM

Impak perubahan iklim yang agak ketara di Malaysia ketika ini boleh memberikan kesan membimbangkan kepada sekuriti makanan negara pada masa depan.

Felo Penyelidik Institut Perubahan Iklim (IPI) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr Siti Norliyana Harun berkata, berbanding dengan sebilangan negara yang berdepan dengan masalah sungai surut, Malaysia sebaliknya mengalami peningkatan aras laut dan perubahan cuaca tidak menentu. Menurutnya, ketidakpastian cuaca boleh menyebabkan gangguan kepada produksi bahan makanan terutamanya sektor makanan ruji negara iaitu padi.

"Malaysia merupakan negara yang mempunyai suhu yang se-
ragam, kelembapan tinggi dan



SITI NORLIYANA

Jumlah hujan yang banyak setiap tahun.

"Jumlah hujan tahunan Malaysia adalah antara 2,000 millimeter (mm) hingga 2,500mm.

Sebagai contoh, hujan lebat yang melanda pada musim kedua penanaman padi pada bulan Julai lalu di sekitar utara Selangor menyebabkan beberapa kawasan sawah padi ditenggelami air.

"Kejadian seperti ini akan merosakkan anak benih padi dan mengakibatkan pertumbuhan padi terbantut.

"Selain itu, perubahan cuaca yang tidak menentu ini boleh menyebabkan kemunculan makhluk perosak dan penyakit baharu terhadap tanaman padi.

"Kejadian seperti ini akan mengganggu hasil pengeluaran padi negara," katanya kepada *Sinar Harian*.

Siti Norliyana menjelaskan, cuaca yang tidak menentu juga telah menyebabkan banjir kilat yang menjejaskan beberapa kawasan baharu yang tidak pernah



Seramai 25 pesawah di Marang, Terengganu menanggung kerugian lebih RM50,000 apabila tanaman mereka musnah akibat banjir Februari lalu.

mengalami banjir seperti di Lembah Kelang baru-baru ini.

Perubahan iklim ini katanya, boleh berlaku disebabkan oleh faktor semula jadi dan kesan aktiviti manusia.

"Aktiviti seperti penerokaan tanah misalnya, selain pembuangan, penebangan hutan dan pelepasan gas rumah hijau adalah antara faktor yang menyumbang kepada berlakunya perubahan iklim.

"Jadi, saya melihat perlunya

ada usaha yang lebih agresif untuk mengurangkan pemanasan global yang boleh mencetuskan fenomena bencana yang tidak diingini.

"Pengurangan pembebasan gas rumah hijau yang boleh menjadi punca pemanasan global adalah perlu diterapkan oleh semua pihak di negara ini," ujar beliau.

Siti Norliyana turut menyarankan agar pihak berwajib bekerjasama dalam merancang pem-

angunan lestari dan persediaan untuk menghadapi bencana, khususnya dari segi infrastruktur serta kaedah untuk beradaptasi dengan perubahan iklim.

Tambahnya, kerajaan harus membuat persediaan rapi dalam menghadapi bencana seperti banjir supaya kemusnahan akibat bencana dapat dikurangkan, selain mengeluarkan belanja yang besar untuk mencegah, daripada menanggung beban yang besar untuk pembiayaan pemulihan.

Perubahan iklim jejas sektor pertanian dan hasil sungai

SHAH ALAM - Perubahan iklim yang ketara dalam negara memberi impak terhadap sekuriti makanan termasuk sektor pertanian dan hasil laut.

Pakar Sekuriti Makanan daripada Universiti Putra Malaysia (UPM), Profesor Datuk Dr Abdul Shukor Juraimi berkata, ia berikutan situasi itu menyebabkan taburan hujan tinggi dan mengakibatkan banjir sehingga merosakkan tanaman atau hasil sungai.

Ujar beliau, perkara tersebut juga berkemungkinan menyebabkan hasil tanaman seperti padi, buah-buahan dan sayur-sayuran lain mengalami kerosakan secara menyeluruh.

"Kita tahu negara ini terkenal dengan kelembapan yang tinggi dan hujan yang banyak. Malangnya inilah juga punca mudah berlaku serangan penyakit terutama pada tanaman seperti cili.

"Jadi dengan adanya jangkitan virus,

bakteria dan sebagainya, itu akan menyebabkan kerosakan pada tumbuhan.

"Ini sedikit sebanyak akan menjejaskan pengeluaran pertanian kita," katanya kepada *Sinar Harian*.

Ulas Abdul Shukor, sektor perikanan hasil sungai juga akan terjejas jika hujan berterusan yang akan membawa kepada hakisan dan puing dari bukit serta gunung.

"Ini boleh merosakkan dan mencemarkan sungai, serta memberi masalah ke-

pada hidupan sungai itu sendiri. Ia turut memberi kesan kepada aktiviti ternakan ikan dalam sangkar," ujarnya.

Tambah beliau, impak perubahan iklim turut menyukarkan nelayan untuk turun ke laut akibat laut bergelora.

"Jika paras air laut naik pula, ia akan memberi kesan kepada ternakan ikan di tepi muara sungai disebabkan air masin masuk ke sungai dari laut," jelas Abdul Shukor.

Hasil sayur susut 40 peratus

Mutu tanaman turut terjejas, pekebun di Cameron Highlands tidak boleh jual pada harga premium

SHAH ALAM

Ketidaktentuan cuaca yang ketara di Malaysia ketika ini menyebabkan kebanyakan pekebun di Cameron Highlands kehilangan 30 hingga 40 peratus hasil pendapatan.

Setiausaha Agung Persekutuan Persatuan Pekebun-Pekebun Sayur Malaysia, Chay Ee Mong berkata, selain produktiviti berkurang, cuaca yang sukar diramal turut menjejaskan mutu tanaman.

"Apabila mutu berkurang, tanaman tidak boleh dijual pada harga premium kepada pembeli, ini sekali gus mengurangkan hasil pendapatan pekebun.

"Saya boleh katakan sejak empat tahun kebelakangan ini, kita sukar untuk meramal keadaan cuaca di Malaysia dan situasi ini banyak mengganggu pengeluaran tanaman," katanya kepada *Sinar Harian*.

Menurut Ee Mong, keadaan berbeza sebelum ini apabila para pekebun kebiasa-

LAPORAN KHAS



Cuaca tidak menentu menyukarkan pekebun merancang jenis tanaman yang sesuai mengikut musim.



CHAY EE MONG

annya masih boleh membuat ramalan cuaca sepanjang tahun.

Ujarnya, ramalan tersebut akan memudahkan mereka untuk merancang jenis tanaman yang bersesuaian mengikut musim.

"Biasanya kita akan mengalami cuaca panas pada awal tahun, manakala musim tengkujuh pada hujung tahun, jadi kita boleh rancang jenis tanaman yang sesuai ditanam mengikut musim, namun kini agak sukar.

"Sekarang kita tengok, awal tahun yang biasanya panas, boleh jadi tiba-tiba hujan turun berlarutan,

"Hujan yang terlalu kerap dan lebat akan menjejaskan produktiviti tanaman serta mengakibatkan harga kurang stabil.

"Dulu Ogos biasanya cuaca dan produktiviti baik, jadi tanaman kecil seperti sawi, kailan dan kangkung dijual dengan harga murah. Tapi kini tidak sampai dua minggu, hujan mula turun dan harga (sayuran) pun naik," jelasnya.

Menurut beliau, antara alternatif yang dilakukan bagi menangani isu berkenaan adalah dengan membina bumbung yang dibuat dengan menggunakan bahan plastik bagi melindungi tanaman daripada hujan dan pancaran matahari yang terlalu terik.

Bagaimanapun katanya, harga bumbung plastik yang meningkat sekali ganda ketika ini menyukarkan pekebun untuk membina.

"Sebelum pandemik Covid-19, harga termasuk besi, plastik dan upah pekerja sekitar RM120,000 hingga RM130,000 sekarang tetapi kini naik RM230,000 hingga RM250,000 sekarang," katanya.

REAKSI

“

Hujan secara berterusan boleh mengakibatkan tanaman terjejas sehingga menjadi layu dan daun bertukar coklat. Saya menanam pelbagai jenis sayuran seperti terung, keladi, belimbing buleh, limau kasturi, sawi dan kailan. Jika tiap-tiap hari hujan ia menyebabkan daun-daun sayur itu menjadi rosak dan bertubang selain tanaman mati. Tanaman yang sudah rosak menyebabkan kita tidak dapat menjualnya kepada pelanggan atau hantar ke kedai sekali gus menjejaskan pendapatan bulanan.

-Pengusaha kebun sayur-sayuran, Rosminah Mihal, 59



“

Dua ekor lembu dan dua ekor kambing saya bernilai lebih RM12,000 mati lemas ditenggelami air selain penyakit bawahan banjir. Banjir juga merosakkan kandang dan terpaksa dibbaiki. Penternak juga kena beli dedak dan hampas kelapa untuk menggantikan rumput yang ditenggelami air dan diselaputi lumpur.

-Penternak lembu dan kambing, Kamaruddin Ibrahim, 33



Pesawah jangka hasil padi berkurang, kualiti terjejas

SHAH ALAM - Perubahan iklim yang berlarutan dijangka menjejaskan hasil pengeluaran serta kualiti padi yang merupakan makanan rui di negara ini.

Exco Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (Pesawah), Abdul Rashid Yob berkata, apabila bekalan makanan berkurang, ia akan menjejaskan banyak masalah lain termasuk kenaikan harga serta manipulasi oleh kartel tertentu.

"Situasi ini menyebabkan petani tekanan susulan penurunan hasil serta pendapatan.

"Jika masih bertaku, ia bukan sahaja memberi kesan kepada petani tetapi juga kepada rakyat dari segi bekalan makanan kerana bila kita kekurangan bekalan, kita akan berebut untuk mendapatkan makanan tersebut.

"Jika kita tidak boleh keluaran sendiri makanan, kita terpaksa berharap pada import dan orang luar pula. Jadi, kerajaan harus lihat perkara ini secara serius," katanya kepada *Sinar Harian*.

Ujar Abdul Rashid, kesan perubahan



ABDUL RASHID

iklim yang menyebabkan cuaca tidak menentu itu turut membawa kepada serangan penyakit hawar bulir bakteria (BBP) terhadap tanaman padi.

Jelasnya, kebanyakan petani telah hilang hasil padi sebanyak 60 peratus bagi kawasan sawah di Yan, Kedah.

"Jadi bila perubahan iklim berlaku dengan kelembapan (udara) tinggi, penyakit mudah menyerang padi dan hasil padi akan jatuh," jelas beliau.

Menurut Abdul Rashid, jadual untuk aktiviti penanaman padi juga terganggu akibat perubahan iklim berkenaan.

Katanya, hal itu menjadi punca ada petani yang tidak dapat menanam padi mengikut jadual yang telah ditetapkan.

"Macam di Kedah, ada kawasan tanah sawah yang tinggi dan rendah. Bagi kawasan rendah, mereka tidak boleh meneruskan aktiviti penanaman padi ini sebab air sudah naik terlalu banyak.

"Bila sawah tenggelam, padi itu rosak, jadi kita terpaksa tanam sekali lagi," ujarnya.